


Untuk Pekerja Pertengahan Kerjaya



Program Peralihan Kerjaya SkillsFuture

Kursus latihan bersubsidi tinggi, bermutu tinggi dan berorientasi industri yang memudahkan pengambilan pekerja



Program Laluan Pertengahan Kerjaya SGUnited – Penempatan di Syarikat

Program tetap untuk individu lebih berusia:
4 - 6 bulan penempatan sepenuh masa, dengan
elaun hingga **\$3,800/bulan** yang dibiayai bersama
oleh Pemerintah



Untuk Pekerja Bergaji Rendah



Skim Tambahan Pendapatan Daya Kerja yang dipertingkatkan (mulai Jan 2023)



- ▶ Diberikan bayaran tahunan maksimum yang lebih tinggi sebanyak **\$2,100 - \$4,200**
- ▶ Had kelayakan pendapatan dinaikkan menjadi \$2,500/bulan
- ▶ Skim Daya Kerja diperluas kepada pekerja berusia antara 30 hingga 34 tahun

Membantu Pekerja Bergaji Rendah




- ▶ Memperluas **Model Gaji Progresif** kepada lebih banyak sektor dan pekerjaan
- ▶ Syarikat yang mengambil pekerja asing perlu membayar pekerja tempatan sekurang-kurangnya kadar **Gaji Kelayakan Tempatan** (\$1,400 sekarang ini)
- ▶ Para pembekal Pemerintah perlu memperolehi **Tanda Gaji Progresif** mulai Mac 2023

Skim Kredit Gaji Progresif



- ▶ Pemerintah akan membiayai bersama kenaikan gaji pekerja bergaji rendah dari 2022 hingga 2026





Kadar Sumbangan Tabung Simpanan Pekerja (CPF) Lebih Tinggi



- ▶ Kenaikan tambahan sebanyak 1.5 - 2 mata peratusan pada jumlah kadar caruman (majikan dan pekerja)
- ▶ **Imbangan Peralihan CPF** akan menampung separuh daripada kenaikan caruman majikan pada 2023

Pelarasan Jumlah Persaraan Asas CPF (BRS)



- ▶ Kenaikan sebanyak 3.5% setahun untuk setiap anggota CPF yang mencapai usia 55 tahun pada tahun 2023 hingga 2027
- ▶ Kira-kira 8 dalam 10 anggota aktif CPF yang mencapai usia 55 tahun pada 2027 dijangka mempunyai BRS atau lebih
- ▶ Tiada keperluan untuk menokok CPF bagi memenuhi BRS

